

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan cadangan Kementerian untuk menggubal dasar khusus untuk menyedarkan dan menangani penyakit barah, termasuk rancangan untuk menolong pesakit yang tidak dapat membeli ubat oleh kerana kos yang tinggi.

Tuan Yang Dipertua,

Barah atau kanser merupakan salah satu penyakit kronik yang penting dan memberi impak yang besar kepada pesakit, keluarga dan masyarakat.

Untuk menyedarkan dan menangani penyakit kanser, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyediakan Pelan Strategik Kebangsaan Program Kawalan Kanser 2016-2020 (dengan izin, NSPCCP 2016-2020) yang menggantikan pelan tindakan sebelum ini iaitu, dengan izin, *National Cancer Control Blueprint 2008-2015*. Pelan tindakan

menggariskan dasar-dasar, objektif serta sasaran khusus untuk setiap aspek pencegahan dan kawalan kanser yang merangkumi aspek pencegahan, saringan, pengesanan awal, rawatan, rehabilitasi, penjagaan paliatif, rawatan tradisional dan komplementari serta kajian.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau, dengan izin World Health Organization (WHO), dalam kenyataannya menjelaskan bahawa satu pertiga kematian akibat kanser adalah dikaitkan dengan lima (5) tingkah laku dan diet berisiko iaitu berat badan yang berlebihan, kurang pengambilan sayur-sayuran dan buah-buahan, tidak aktif secara fizikal, pengambilan tembakau dan alkohol.

Justeru itu, fokus terhadap usaha meningkatkan kesedaran orang ramai berkaitan faktor risiko dan pencegahan kanser-kanser secara umum dan khusus serta kepentingan pengesanan awal dan rawatan terus diberi keutamaan. Untuk ini, kerjasama dengan agensi-agensi dan semua pihak berkepentingan termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) diperkukuhkan agar semua maklumat dan pengetahuan orang ramai dapat disampaikan kepada segenap masyarakat dengan lebih efektif dan berkesan. Amat penting bagi orang ramai menterjemah pengetahuan yang diperolehi kepada perubahan amalan gaya hidup serta lebih peka untuk berusaha mencegah dan mengawal kanser.

Di samping fokus untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang ramai berkaitan penyakit kanser; pembangunan modal insan, penyediaan perkhidmatan dan prasarana yang mencukupi serta optimum untuk rawatan, penjagaan paliatif dan rehabilitasi adalah amat penting dan perlu seiring.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meringankan bebanan pesakit kanser yang tidak berkemampuan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi membantu pesakit-pesakit.

KKM telah membelanjakan peruntukan di bawah Belanja Mengurus Aktiviti Radioterapi dan Onkologi untuk ubat-ubatan pada tahun ini sebanyak RM253.4 juta. Keperluan peruntukan tambahan Belanja Mengurus bagi pusat kanser sedia ada adalah RM5 juta setiap pusat. Manakala jumlah Belanja Mengurus bagi bahan konsumabel dan ubat-ubatan bagi setiap pusat adalah RM20 juta setahun. Sebanyak RM2.55 juta pula dibelanjakan untuk Perkhidmatan Paliatif dan RM61 juta bagi Perkhidmatan Anestesiologi dan Rawatan Rapi yang merangkumi kos ubat-ubatan dan konsumabel untuk *acute pain services* bagi rawatan pesakit termasuklah pesakit kanser.

Kadar caj yang dikenakan kepada pesakit kanser adalah mengikut Perintah Fi (Perubatan) 1982 di mana pesakit kanser dikenakan kadar bayaran yang berpatutan iaitu rawatan kemoterapi bagi Kelas 1 adalah RM 200 per rawatan, Kelas 2 adalah RM 100 per rawatan dan Kelas 3 pula sebanyak RM50 per rawatan berbanding kos sebenar. Caj maksimum pesakit dalam bagi Kelas 3 adalah tidak melebihi RM500 bagi setiap episod kemasukan ke hospital.

Pesakit kanser juga akan dirujuk kepada Pegawai Kerja Sosial Perubatan bagi mendapatkan bantuan ubat-ubatan yang tidak dibekalkan oleh hospital kerajaan bagi mendapatkan pengurangan kos.

Pesakit turut dibantu untuk mendapatkan peralatan bukan perubatan seperti tilam khas (*ripple mattress*), tongkat dan kerusi roda. Selain itu, bantuan kewangan segera diberikan sekiranya mereka berada dalam situasi kecemasan dan krisis semasa mendapatkan rawatan di hospital-hospital KKM. Bagi pesakit beragama Islam yang mendapat rawatan jangkamasa panjang, mereka boleh dirujuk kepada Majlis Agama Islam Negeri untuk mendapatkan bantuan dari Lembaga Zakat Negeri.